

Mahathir serah bantuan \$13 juta kepada ANC

MALAYSIA - 4 NOV 1990

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyerahkan bantuan kewangan sebanyak AS\$5 juta (M\$13 juta) kepada Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) untuk meneruskan perjuangannya menentang dasar apartheid di Afrika Selatan.

Timbalan Presiden ANC, Dr. Nelson Mandela telah menerima bantuan tambahan itu bagi pihak ANC selepas satu jamuan makan malam anjuran kerajaan Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr. Mandela yang mengejutkan para tetamu apabila beliau sendiri yang membuat pengumuman mengenai bantuan kewangan itu berkata, dalam sejarah perjuangannya beliau sama sekali tidak menyangka akan menerima sokongan sebegini besar daripada negara - negara Asia.

"Saya tidak sangsi lagi bendahari agung kami tidak akan dapat melepaskan matanya malam ini," katanya sambil tersenyum.

Dr. Mandela, yang begitu terharu dengan bantuan tersebut

menegaskan, rakyat Malaysia sebenarnya amat bertuah kerana memiliki seorang pemimpin seperti Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, kata Dr. Mandela, bukan sahaja seorang yang berprinsip malah kuat dan bijak tetapi kebijaksanaannya tidak menjadikannya seorang yang sombong dan bongkak.

"Inilah yang menyentuh perasaan saya kerana biasanya seseorang yang telah mencapai ke peringkat tertinggi seperti itu akan dengan mudah melupai bahawa mereka sebenarnya naik kerana negara.

Perjuangan

"Malam ini tidak ada kata - kata yang dapat menghuraikan perasaan hati saya terhadap kemurahan hati rakyat Malaysia yang bukan sahaja memahami malah lebih menyedari bahawa perjuangan tanpa bantuan material tidak akan ke mana," katanya.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir dalam ucapannya ber-

kata, semua kumpulan yang terbabit dengan apartheid di Afrika Selatan hendaklah berusaha memastikan rundingan antara ANC dan kerajaan Afrika Selatan berhasil.

"Saya percaya bahawa amatlah penting kita mengekalkan tempo perkembangan di Afrika Selatan.

"Kita, seperti juga ANC, turut bimbang bahawa masyarakat antarabangsa ketika ini tidak boleh melepaskan tekanan ke atas Pretoria," kata beliau lalu menarik perhatian kepada sekatan dan tekanan ke atas kerajaan minoriti kulit putih di Pretoria.

Perdana Menteri berkata bahawa ia mungkin mengambil masa berbulan - bulan sebelum dialog dengan ANC yang diusahakan oleh Pretoria menunjukkan bahawa kemajuan baru - baru ini ke arah usaha menamatkan apartheid tidak boleh dihalang dan bahawa sistem itu sendiri akan dibubarkan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dalam pada itu, Malaysia akan terus mengenakan tekanan ke atas kerajaan Afrika Selatan

melalui sekatan ekonomi dan sekatan yang lain dan menggesa negara - negara yang lain berbuat demikian.

Malaysia tidak sehaluan dengan pandangan sesetengah negara Barat bahawa Presiden de Klerk harus diberi penghargaan ketika ini kerana pembaharuan yang diusahakannya, kata beliau.

Awasi

Beliau berkata, sebagai anggota Jawatankuasa Menteri Luar Komanwel Mengenai Afrika Selatan (CFMSA), Malaysia telah mengawasi dengan teliti perkembangan di Afrika Selatan, dan Malaysia bersama dengan anggota - anggota lain jawatankuasa itu telah mengkaji perkembangan di sana dan reaksi masyarakat antarabangsa terhadap perkembangan itu.

"Malaysia memandang berat terhadap perkembangan itu," kata beliau lalu menarik perhatian kepada pertelingkahan bersenjata antara berbagai kumpulan anti-apartheid yang mengorganiskan beratus - ratus nyawa sejak beberapa bulan lepas.

Dato' Sri Dr. Mahathir bimbang bahawa perbalahan antara kaum, jika dibiarkan berterusan, akan menjejaskan kemajuan yang dicapai setakat ini ke arah usaha menamatkan apartheid.

Perdana Menteri berkata, kehadiran Dr. Mandela di Malaysia menyedarkan kebanyakan rakyat Malaysia bahawa demokrasi ialah sesuatu yang tidak harus diambil mudah oleh negara - negara yang telahpun mengecap kemerdekaan.

"Itu ialah hak bernilai yang perlu dilindungi dan dipertahankan dan hak itulah yang kita, dalam Komanwel, sedang cuba memperkukuhkannya," kata beliau.

Beliau berkata, rakyat Malaysia bertuah kerana walaupun terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, mereka telah dapat menikmati kebebasan berpolitik yang tidak diganggu - gugat sejak 33 tahun lepas.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional mendoakan semoga rakyat Afrika Selatan juga dapat menikmati hak ini, bebas daripada pertumpahan darah pada masa depan.